

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 2 DISEMBER 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

Rakyat Malaysia semakin sejahtera

---


# Rakyat Malaysia semakin sejahtera

**PETALING JAYA** – Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus kepada 119.2 mata berbanding 117.7 mata pada tahun 2020, menurut laporan Jabatan Perangkaan yang diterbitkan semalam.

IKRM meliputi dua sub-komposit kesejahteraan iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial yang dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia dan sebagai panduan dalam penggubalan dasar serta program yang relevan.

Kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan serta persekitaran kerja, manakala kesejahteraan sosial merangkumi sembilan komponen iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar serta keluarga.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, berdasarkan keseluruhan



**MOHD. UZIR**

14 komponen IKRM, 10 daripadanya merekodkan peningkatan pada 2021.

“Antara komponen tertinggi yang menyumbang kepada peningkatan IKRM adalah Indeks Tadbir Urus (6.8 peratus), Indeks Kebudayaan (6.4 peratus), Indeks Keselamatan Awam (3.4 peratus), Indeks Alam Sekitar (2.7 peratus) serta Indeks Pendapatan dan Pengagihan (2.4 peratus).

“Secara keseluruhan, prestasi IKRM pada 2021 menunjukkan kesejahteraan rakyat semakin pulih walaupun berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19,” katanya.